

SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
Ogos/Sept.
2003
1 jam

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2003

SEJARAH

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan

SULIT

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruang yang sepadan apda kertas jawapan objektif anda.

1	Antara berikut yang manakah teknologi Zaman Neolitik?
I	Tajak dan cangkul daripada granit
II	Menggunakan alat tenunan
III	Mencipta ceper untuk membuat senjata
IV	Menganyam bakul untuk menyimpan bijirin
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

2	Antara berikut yang manakah menggambarkan prinsip undang-undang Hammurabi?
A	Hukuman yang dijatuhkan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang penjenayah
B	Hukuman yang lebih berat dan keras dijatuhkan kepada rakyat biasa dan hamba abdi
C	Hukuman yang dikenakan adalah bersifat pemulihan di samping menyedarkan kesesatan mereka.
D	Hukuman yang ringan dikenakan kepada golongan bangsawan dan orang kaya yang melakukan kesalahan

3	Apakah bukti-bukti yang menunjukkan ada hubungan perdagangan di Lembah Indus antara Mohenjo Daro dan Bandar Ur di Sumeria?
A	Terjumpanya candi dan monumen yang besar di Lembah Indus
B	Terjumpanya tulisan pepaku yang ditulis pada kepingan tanah liat
C	Terjumpanya batu bersurat yang mengandungi catatan hubungan perdagangan
D	Terjumpanya beratus-ratus cap mohor pedagang Lembah Indus

4	Antara berikut yang manakah ciri-ciri Peperiksaan Awam Cina?
I	Umur calon tidak melebihi 18 tahun
II	Jawapan disalin semula dengan dakwat merah
III	Calon-calun dikurung dalam bilik kecil
IV	Calon-calun dibenarkan menjawab secara lisan jika tidak tahu menulis
A	I dan II
B	I dan III
C	II dan III
D	I dan IV

5	Mengapakah orang Sumeria membina Ziggurat?
A	Sebagai tempat pertahanan apabila diserang musuh
B	Sebagai pusat pemujaan tuhan
C	Sebagai pusat pentadbiran dan pemerintahan
D	Sebagai tempat menyimpan mayat Firaun

6	Bagaimanakah suasana era Pax Romana atau Keamanan Rom dalam pemerintahan Maharaja Augustus?
I	Penggunaan wang siling dalam urusan perdagangan
II	Rom menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang sibuk
III	Rom menjadi pusat penyimpanan senjata dan latihan ketenteraan
IV	Jurang perbezaan antara rakyat dan golongan yang kaya dihapuskan
A	I dan II
B	II dan III
C	III dan IV
D	I dan IV

7	Apakah pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan oleh Solon di Athens?
I	Penghapusan sistem hamba berhutang
II	Melaksanakan undang-undang yang dipanggil Kanun Undang-Undang
III	Menggalakkan perkembangan bidang fizik, muzik dan ekonomi
IV	Menggalakkan petani menanam anggur untuk dijadikan arak.
A	I dan II
B	II dan III
C	III dan IV
D	I dan IV

8	<div style="text-align: center;"> <pre> graph TD A[Taoisme] --> B[Berasaskan ajaran Lao Tze] A --> C[Terkandung dalam buku traos Te Ching] </pre> </div> <p>Apakah yang ditekankan dalam ajaran di atas?</p>
A	Menekankan kepatuhan kepada keluarga dan negara
B	Menekankan kepentingan hidup di dunia sebelum mati
C	Menekankan keharmonian dengan alam semesta
D	Menekankan rasa cinta kepada tuhan dan jiran

9	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>Isi Piagam Madinah berdasarkan wahyu dan dijadikan dasar undang-undang negara Islam Madinah</p> </div> <p>Antara berikut, yang manakah isi utama Piagam Madinah?</p>	
	I	Masyarakat berbilang kaum dan agama di Madinah dianggap sebagai suatu ummah.
	II	Nabi Muhammad S.a.w adalah pemimpin negara Madinah.
	III	Orang-orang Yahudi dikecualikan daripada mematuhi peraturan piagam walaupun mereka dianggap sebagai ummah
	IV	Orang-orang Muhajirin dan Ansar adalah bersaudara dan perlu tolong menolong antara satu sama lain
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

10	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>Perjanjian Hudaibiyah yang ditandatangani pada tahun 625M/ 4H adalah hasil daripada berkat usaha, ketabahan dan kesabaran Rasulullah s.a.w.</p> </div> <p>Apakah kesan utama perjanjian di atas?</p>	
	A	Tertubuhnya sebuah negara Islam.
	B	Orang-orang Yahudi mengiktiraf Madinah sebagai sebuah negara Islam
	C	Orang-orang Quraisy Makkah mengiktiraf kewujudan negara Islam Madinah
	D	Orang-orang Ansar dan Muhajirin menerima orang Yahudi sebagai penduduk Madinah

11	Mengapakah Khalifah Abu Bakar r.a. digelar sebagai "Penyelamat Umat Islam"?	
	A	Beliau berjaya menghapuskan nabi-nabi palsu serta golongan murtad
	B	Beliau berjaya menyelamatkan umat Islam daripada serangan Rom
	C	Beliau berjaya menyatukan orang-orang Muhajirin, Ansar dan Quraisy Makkah
	D	Beliau telah melantik Khalid bin al-Walid sebagai panglima tentera di Iraq untuk melicinkan pentadbiran tentera Islam.

12	Khalifah Abdul Malik bin Marwan dianggap sebagai “Pengasas Kedua Kerajaan Bani Umaiyyah” kerana
A	Berjaya menghapuskan pemberontakan Khawarij dan Syiah.
B	Pemerintahannya mirip kepada dasar pemerintahan Muawiyah bin Abu Sufian.
C	Seorang pemerintah yang bijak dan pintar.
D	Berjaya membina semula kerajaan Umaiyyah selepas keruntuhannya akibat pemberontakan puak Khawarij dan Syiah.

13	Manakah antara berikut merupakan pusat ilmu pengetahuan yang terdapat di Iraq pada zaman keagungannya?
A	Masjid
B	Istana
C	Kota Babylon
D	Bait al-Hikmat

14	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> Mahadi' al Falasifah Tahafut al-Tahafut </div> <p>Karya falsafah di atas dikaitkan dengan seorang tokoh falsafah Islam iaitu</p>
A	Ibn Rusyd
B	Al-Farabi
C	Al-Kindi
D	Ibn Tufayl

15	Antara berikut yang manakah teori-teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara?
I	Islam datang dari India melalui Cambay dan Koromandel
II	Islam datang dari negara China menerusi Canton dan Hainan.
III	Islam datang melalui Aceh oleh pedagang-pedagang Islam.
IV	Islam datang secara langsung dari negara Arab
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

16	Manakah antara berikut merupakan kerajaan Islam di Jawa?	
	I	Kerajaan Demak
	II	Kerajaan Pajang
	III	Kerajaan Mataram
	IV	Kerajaan Majapahit
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

17	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>Taraf golongan serf adalah di antara hamba dengan orang bebas</p> </div> <p>Mengapakah golongan serf dianggap sedemikian.?</p>	
	A	Mereka dikurniakan tanah oleh raja
	B	Mereka telah membuat perjanjian dengan vassalnya
	C	Mereka tidak boleh berpindah ke tempat lain.
	D	Mereka sangat setia kepada raja.

18	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>Zaman Pertengahan eropah merupakan zaman gelap kerana Eropah melalui satu peringkat yang kurang maju jika dibandingkan dengan pencapaian sebelumnya.</p> </div> <p>Bagaimanakah amalan daripada pihak gereja menyumbang kepada keadaan di atas?</p>	
	I	Lebih menumpukan aspek kerohanian.
	II	Terlibat dengan amalan rasuah.
	III	Sikap taklid yang menerima tanpa soal.
	IV	Tidak mementingkan persediaan untuk akhirat.
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

19	<pre> graph TD A[Sistem Feudal] --> B[Masyarakat Eropah Zaman Pertengahan] A --> C[Masyarakat Melayu Tradisional] </pre>
	Apakah ciri persamaan yang terdapat dalam sistem feudal masyarakat Eropah dan masyarakat Melayu tradisional.
A	Sistem perhambaan
B	Sistem tukar barang
C	Sistem serah dan kerah
D	Sistem tanaman paksa

20	Ajaran John Calvin membuka peluang perniagaan kepada penganut agama Kristian kerana
A	Amalan sistem ekonomi bebas digalakkan
B	Amalan sistem mata wang boleh digunakan
C	Amalan jimat cermat digalakkan
D	Amalan riba yang berpatutan dibenarkan

21	<ul style="list-style-type: none"> - beliau diutuskan oleh Raja England untuk mencari peluang perdagangan di lautan Atlantik dan menguasai wlayah baru. - Beliau berjaya menemui Amerika Utara dan Hindia Timur
	Siapakah tokoh yang dimaksudkan di atas.?
A	John Hawkins
B	John Cabot
C	Francis Drake
D	Walter Raleigh

22	Apakah langkah-langkah yang diambil oleh raja Monarki Baru untuk memantapkan kedudukannya?
I	Membayar gaji golongan pentadbir
II	Mengambil tentera upahan
III	Mengenakan cukai hasil tanah
IV	Melucutkan taraf kebangsawanan golongan pembesar
A	I, II dan III
B	I,II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

23	Pada kurun ke 19, kuasa Sepanyol menghadapi pemberontakan oleh masyarakat setempat, terutamanya di selatan Filipina. Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada pemberontakan tersebut.?
I	Ketua tempatan dan ketua agama kehilangan kuasa
II	Sistem cukai yang diperkenalkan membebankan rakyat
III	Kuasa Sepanyol gagal membangunkan Filipina.
IV	Sepanyol melaksanakan amalan buruh paksa
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

24	Revolusi Pertanian telah bermula di England pada awla kurun ke-18. Antara berikut yang manakah merupakan kesan-kesan Revolusi Pertanian?
I	Mendorong kewujudan Revolusi Perindustrian di England
II	Peningkatan hasil-hasil pertanian
III	Para petani mengamalkan sistem pertanian campuran
IV	Pertambahan jumlah petani kecil
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

25	Apakah faktor-faktor yang membantu tercetusnya Revolusi Perindustrian di Britain?	
	I	Rekaan sains dan teknologi
	II	Kestabilan politik
	III	Perkembangan ideologi sosialisme
	IV	Sikap rakyat British
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

26	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>Bertanggungjawab mempengaruhi Revolusi Amerika</p> </div> <p>Antara tokoh yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas ialah</p>	
	I	Richard Cromwell
	II	Thomas Paine
	III	John Locke
	IV	Jean Jacques Rousseau
	A	I dan II
	B	II dan III
	C	III dan IV
	D	I dan IV

27	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>Peristiwa I: Perancangan tunjuk perasaan yang membawa kepada peristiwa Hari Ahad yang Berdarah</p> <p>Peristiwa II: Perjuangan Komunis menentang Tzar Nicholas</p> </div> <p>Siapakah tokoh yang terlibat dengan peristiwa di atas?</p>	
	A	Bismark
	B	Lenin
	C	Karl Marx
	D	Stalin

28	Raja James II telah mengisytiharkan Declaration of Indulgence. Antara berikut yang manakah menggambarkan kandungan pengisytiharan tersebut?
A	Golongan Anglikan tidak dibenarkan memegang jawatan dalam perkhidmatan awam
B	Raja akan menarik balik hak pemilikan tanah ke atas tuan tanah yang menentang baginda
C	Baginda memberi kebebasan pemilikan harta dan kebebasan bersuara
D	Baginda memberikan kebebasan beragama kepada semua mazhab Kristian

29	Apakah kuasa dan tenaga yang digunakan untuk menggerakkan mesin pada kurun ke-19?
A	Kuasa wap, angin, air dan haiwan
B	Tenaga suria, angin, air dan haiwan
C	Tenaga hamba, suria, air dan haiwan
D	Tenaga manusia, angin, air dan haiwan

30	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center; margin: 10px auto; width: fit-content;"> Saint Simon Charles Fourier Louis Blanc </div> <p>Apakah persamaan tokoh di atas?</p>
A	Pemikir Sosialis
B	Pemikir Liberalisme
C	Pemimpin kesatuan sekerja
D	Pemimpin nasionalis Perancis

31	Revolusi Perancis juga dikenali sebagai Revolusi Borjuis kerana
A	Golongan kelas menengah menguasai kepimpinan agama dan menentang agama Kristian
B	Golongan kelas menengah membela nasib golongan bawahan dan hamba abdi yang ditindas
C	Golongan kelas menengah tidak perlu lagi mengundi di Parlimen untuk berkuasa
D	Golongan kelas menengah mempunyai kebebasan bersuara, memiliki harta dan berpolitik

32	Apakah kesan utama 'masalah kasut' dalam hubungan British-Burma?
A	Berlaku pencerobohan besar-besaran British di Burma.
B	Berlaku peperangan Inggeris-Burma Ketiga.
C	Berlaku lambakan kasut dari Britain ke Burma.
D	Burma utara jatuh ke tangan British.

33	Antara berikut yang manakah bukti kejayaan "Pemulihan Meiji" di Jepun?
I	Jepun muncul sebagai sebuah negara perindustrian moden
II	Jepun berjaya mengalahkan Amerika Syarikat dalam Perang Dunia II
III	Jepun berjaya mengalahkan Negara China dalam perang China-Jepun
IV	Jepun berjaya mengalahkan Rusia dalam perancg Russia-Jepun
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

34	Mengapakah gerakan nasionalis di Vietnam menjadi militan pada awal abad ke-20?
A	Pengaruh pimpinan Phan Boi Chau dan Phan Chau Trinh semakin meningkat
B	Gerakan nasionalisme di Vietnam terpengaruh dengan gerakan Jose Rizal di Filipina
C	Pemimpin tentera mula melibatkan diri dalam gerakan nasionalisme
D	Perancis bersikap keras dan tidak mahu bertolak ansur terhadap tuntutan nasionalis

35	Apakah kesan utama pelaksanaan sistem persekolahan vernakular di Tanah Melayu?
A	Penuntut di sekolah vernakular mempunyai masalah semasa mencari pekerjaan.
B	Identiti bahasa setiap kaum dikekalkan.
C	Proses perkembangan budaya suku kaum tersekat.
D	Melambatkan proses pembangunan Negara.

36	British telah menjalankan dasar kemasukan buruh asing secara mudah dan beramai-ramai ke Tanah Melayu untuk meningkatkan kegiatan ekonomi pada abad ke-19	
	Kesan dasar di atas terhadap Tanah Melayu ialah	
	I	Telah mewujudkan corak budaya yang berbeza
	II	Telah menyebabkan kaum pendatang menguasai politik Tanah Melayu
	III	Ekonomi perdagangan dikuasai oleh kaum pendatang
	IV	Telah mewujudkan masyarakat berbilang kaum
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

37	Britain dan Perancis telah mengisytiharkan peperangan ke atas Jerman pada tahun 1939. Ekoran daripada itulah meletusnya perang Dunia Kedua	
	Apakah sebab peristiwa di atas berlaku?	
	A	Jerman telah menyerang Perancis dan Britain
	B	Jerman telah menyerang Poland
	C	Jerman telah mengingkari Persefahaman Versailles
	D	Britain bimbang akan kekuatan Jerman.

38	MAPHILINDO sebagai salah seorang organisasi serantau di Asia Tenggara dikatakan penting kepada Persekutuan Tanah Melayu kerana	
	I	Membantu penubuhan Malaysia
	II	Membantu menyelesaikan tuntutan Filipina ke atas Sabah
	III	Menamatkan konfrontasi Indonesia
	IV	Komunis dapat dihapuskan di Tanah Melayu
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

39	Antara berikut yang manakah matlamat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
I	Mengekalkan keamanan dan keselamatan di dunia
II	Memberi bantuan kewangan kepada individu yang memerlukan
III	Menggalakkan kerjasama bidang sosial, ekonomi dan kebudayaan
IV	Melindungi hak asasi manusia tanap mengira bangsa dan agama
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

40	Apakah tujuan penubuhan Persatuan Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961?
A	Untuk menjamin kestabilan politik di rantau Asia Tenggara
B	Untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang ketenteraan
C	Untuk memupuk kerjasama dalam bidang ekonomi dan budaya
D	Untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang kesihatan.

KERTAS SOALAN TAMAT